

24/10/1998

Kerajaan sukar buat pinjaman

DEFISIT besar RM16.6 bilion Belanjawan Negara 1999 menimbulkan pelbagai pertanyaan mengenai bagaimana kerajaan akan menanganinya dalam keadaan pasaran yang masih gawat.

Beberapa orang penganalisis berpendapat, agak sukar bagi kerajaan untuk membuat pinjaman luar kerana kosnya mungkin terlalu tinggi dari segi kadar faedah selepas penarafan kedaulatannya diturunkan oleh agensi penarafan antarabangsa dari semasa ke semasa.

"Salah satu jalan mudah bagi mendapatkan dana asing ialah mendapatkan bantuan Jepun dan negara itu mungkin boleh berbuat demikian hasil lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Tokyo baru-baru ini," kata seorang penganalisis di sebuah firma sekuriti tempatan.

Seorang penganalisis lain pula berpendapat, kerajaan tidak boleh terlalu mengharapkan dana dalam negara kerana ia agak terhad melainkan membuat pinjaman luar terutama melalui terbitan bon jaminan kerajaan.

Katanya, Malaysia perlu mencari negara yang menjadi rakan rapatnya untuk berbuat demikian berasaskan hubungan baik dua hala dengan harapan supaya pinjaman negara tidak dibebani kadar faedah tinggi.

Kelmarin, Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Dr Aris Othman dalam taklimat mengenai laporan ekonomi 1998/99, berkata kerajaan akan bergantung terutama kepada sumber tempatan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan syarikat insurans tertentu bagi membiayai defisit belanjawannya.

Beliau berkata, kerajaan boleh meminimumkan defisit itu kerana beberapa perkara disifatkan sebagai perkara bukan belanjawan, seperti apa yang dibuat oleh Danamodal Nasional Bhd (Danamodal) dan Pengurusan Danaharta Nasional Bhd (Danaharta).

"Bagi dana luar negara, kerajaan sedang mencari sumber institusi pelbagai hala serta dua hala. Beberapa sumber dana dari Jepun adalah dijangkakan manakala dana dari Taiwan sedang ditunggu," katanya.

Beliau juga berkata, konsep kawalan tukaran asing secara terpilih Malaysia disalahertikan banyak pihak, termasuk Bank Dunia dan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Katanya, kedua-dua badan dunia itu meminta penjelasan mengenai perkara berkaitan daripada pegawai Malaysia, baru-baru ini.

Beliau berkata, langkah itu bukan satu kawalan modal, tetapi pengawalan pentadbiran terpilih dalam perdagangan ringgit dan aliran modal.

"Berikutan salah faham ini, Bank Dunia yang sudah menjanjikan pinjaman AS\$1 bilion kepada Malaysia, kini menangguhkan pemberian penuhnya. Kita mungkin tidak akan mendapat jumlah penuh tahun ini."

"Bank Dunia setakat ini sudah menyalurkan sebanyak AS\$300 juta. Bank Dunia tidak begitu senang dengan langkah kita dan oleh itu kita menjangkakan tidak akan dapat baki AS\$700 juta tahun ini," katanya.

Dr Aris berkata, perbincangan kini sedang diadakan sehingga Bank Dunia mendapat gambaran lebih jelas mengenai langkah kawalan tukaran asing itu sebelum baki pinjaman yang dijanjikan diberikan.

(END)